



HELAIAN KETERANGAN PRODUK

Anda perlu membaca Helaian Keterangan Produk ini dan terma dan syarat sebelum membuat keputusan untuk membeli produk ini.

i-Protect Plus

1. Apakah i-Protect Plus?

i-Protect Plus adalah satu produk insurans tanpa penyertaan dan boleh diperbaharui setiap tahun. Polisi ini melindungi Orang yang Diinsuranskan terhadap mana-mana satu Penyakit Kritikal daripada lima (5) Penyakit Kritikal yang disenaraikan; iaitu Kanser, Strok, Serangan Jantung, Kegagalan Buah Pinggang dan Pembedahan Pintas Arteri Koronari.

2. Apakah jenis perlindungan / manfaat yang ditawarkan?

i-Protect Plus menawarkan Manfaat berikut semasa Polisi masih berkuatkuasa.

Manfaat Penyakit Kritikal

Apabila Orang yang Diinsuranskan telah didiagnosis dengan mana-mana satu Penyakit Kritikal daripada lima (5) Penyakit Kritikal yang disenaraikan semasa Orang yang Diinsuranskan masih hidup, 100% Jumlah Asas yang Diinsuranskan akan dibayar dan Polisi akan ditamatkan selepas itu.

| i-Protect Plus – Pelan C | |
|---|--------------------|
| Perlindungan | Amaun Manfaat (RM) |
| i-Protect Plus (Manfaat Penyakit Kritikal) | 500,000 |
| 1. Kanser | |
| 2. Strok | |
| 3. Serangan Jantung | |
| 4. Kegagalan Buah Pinggang | |
| 5. Pembedahan Pintas Arteri Koronari | |

* Nota: Maksimum Jumlah Asas yang Diinsuranskan untuk i-Protect dan i-Protect Plus adalah RM500,000 bagi setiap Orang yang Diinsuranskan.

Peringatan: Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk definisi, terma dan syarat yang tepat.

3. Berapakan jumlah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang Anda perlu bayar adalah mengikut Pelan yang Anda pilih dan bergantung kepada umur Anda semasa pembelian atau pembaharuan Polisi:

| Umur Semasa | Premium Tahunan (RM) | |
|-------------|----------------------|-----------|
| | Lelaki | Perempuan |
| 18-30 | 540.00 | 526.00 |
| 31-35 | 868.00 | 1,087.00 |
| 36-40 | 1,692.00 | 2,138.00 |
| 41-45 | 2,967.00 | 3,822.00 |
| 46-50 | 4,248.00 | 5,702.00 |
| 51-55 | 7,011.00 | 6,756.00 |
| 56-60 | 12,041.00 | 9,191.00 |
| 61* | 16,424.00 | 12,073.00 |
| 62* | 18,215.00 | 12,624.00 |

| Umur Semasa Lelaki | Premium Tahunan (RM) | |
|--------------------|----------------------|-----------|
| | Male | Female |
| 63* | 19,210.00 | 13,174.00 |
| 64* | 20,802.00 | 14,182.00 |
| 65* | 22,300.00 | 15,336.00 |
| 66* | 24,662.00 | 17,021.00 |
| 67* | 27,262.00 | 18,480.00 |
| 68* | 30,114.00 | 20,006.00 |
| 69* | 33,258.00 | 21,624.00 |
| 70* | 36,322.00 | 23,309.00 |

* Untuk pembaharuan sahaja.

Premium pembaharuan adalah TIDAK TERJAMIN dan akan meningkat berdasarkan umur Anda semasa pembaharuan. Kami berhak untuk mengubah premium dengan memberi Anda notis awal secara bertulis tiga puluh (30) hari.

4. Apakah jenis bayaran dan caj yang perlu saya bayar?

Tiada.

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan – Anda perlu mendedahkan semua fakta-fakta penting yang boleh mempengaruhi profil risiko Anda dan Orang yang Diinsuranskan seperti pekerjaan dan umur dengan tepat.
- Sekiranya Anda gagal memberitahu Kami mengenai sebarang pertukaran pekerjaan Anda, Kami mungkin menafikan perlindungan Anda.
- Tempoh Tenggang – Tempoh selama tiga puluh satu (31) hari daripada Ulang Tahun Polisi akan dibenarkan untuk pembayaran premium pembaharuan di mana Polisi masih berkuat kuasa. Sekiranya terdapat premium yang belum dibayar selepas Tempoh Tenggang, Polisi ini akan ditamatkan.
- Apabila berlaku tuntutan, Anda atau wakil Anda dikehendaki untuk mengemukakan notis bertulis kepada Kami. Sebarang kelewatan dalam berbuat demikian boleh menjejaskan pentaksiran tuntutan di pihak Kami. Sila hubungi pegawai perkhidmatan pelanggan Kami yang akan membimbing Anda atau wakil Anda dalam mengemukakan tuntutan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Kontrak Polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah Polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah Pelan ini?

Polisi ini tidak akan melindungi manfaat sekiranya Penyakit Kritikal adalah diakibatkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:

- Penyakit Sedia Ada; atau
- Tempoh Menunggu selama enam puluh (60) hari akan digunakan untuk kategori Penyakit Kritikal berikut:
 - a. Kanser- Keterukan Tertentu dan Tidak Melindungi Kanser Tahap Awal;
 - b. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari;
 - c. Serangan Jantung – Keterukan Tertentu.Tempoh Menunggu selama tiga puluh (30) hari akan digunakan untuk Strok dan Kegagalan Pinggang; atau
- diagnosis kedua Penyakit Kritikal yang sama; atau
- tuntutan seterusnya yang timbul dari Penyakit Kritikal.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Kontrak Polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah Polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan Pelan ini?

Sekiranya Polisi Anda sudah dikeluarkan dan Anda membuat keputusan untuk membatalkan Polisi Anda, atas apa sahaja sebab, Anda boleh memulangkan Polisi kepada Kami untuk pembatalan. Sekiranya permintaan untuk pembatalan diterima oleh Kami dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Polisi Anda. Anda berhak menerima bayaran balik pembayaran premium yang dibayar, tanpa faedah. Sekiranya Anda membatalkan Polisi Anda selepas lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Polisi Anda, Polisi akan tamat pada Ulang Tahun yang akan datang tanpa pengembalian premium yang telah dibayar. Produk ini bukan pelan simpanan, oleh itu tiada nilai tunai akan dipulangkan pada penyerahan atau penamatan Polisi.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat perhubungan Anda?

Adalah penting untuk Anda memberitahu Kami sekiranya terdapat sebarang perubahan mengenai maklumat perhubungan Anda bagi memastikan segala surat-menyurat dapat disampaikan kepada Anda tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika Anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan insurans hayat, sila rujuk buku maklumat insurans tentang "Insurans Perubatan & Kesihatan" yang terdapat di semua cawangan Kami atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Gibraltar BSN Life Berhad 199301022976 [277714-A]

Level 21, Mercu 2, KL Eco City, No.3 Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Khidmat Pelanggan: 1300-22-6262 (Bebas Tol) / 03-2298 0088 (Talian Terus)

www.GibraltarBSN.com

E-mel: customerservice@gibraltarbsn.com

10. Pelan-pelan lain yang serupa.

Sila hubungi Kami untuk produk-produk lain yang serupa yang Kami tawarkan.

NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA MASA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS POLISI YANG MEMENUHI KEPERLUAN SERTA BERSESUAIAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

INI ADALAH PRODUK SALURAN LANGSUNG. IA ADALAH PRODUK PERLINDUNGAN TULEN TANPA NILAI TUNAI.

Gibraltar BSN Life Berhad adalah berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Maklumat yang dinyatakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada: 1 Mac 2019